



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA



NEWSLETTER



MEMPERKUKUH RANCANGAN PEMBANGUNAN EKONOMI

Menyokong Aspirasi Ekonomi MADANI dan Pelaksanaan RMK-13

EVOLUSI EKONOMI MALAYSIA: MENUJU ERA MADANI


Dasar Ekonomi Baru, 1971-1990 memberikan tumpuan kepada pembasmian kemiskinan tanpa mengira etnik dan penghapusan pengenalan etnik mengikut fungsi ekonomi.

Dasar Pembangunan Nasional, 1991-2000 memberikan tumpuan kepada pencapaian pembangunan yang seimbang antara sektor utama ekonomi dan wilayah serta mengurangkan jurang antara sosioekonomi masyarakat.

Dasar Wawasan Negara, 2001-2010 menumpukan kepada pembinaan keutuhan dan daya saing negara.


Dasar Transformasi Negara, 2011-2020, mengekalkan tumpuan berpaksikan rakyat melalui Model Baru Ekonomi. Model ini menetapkan matlamat untuk menjadi ekonomi berpendapatan tinggi yang inklusif serta mampan.

Dasar Malaysia MADANI, 2022-2032 mengubah Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan maju berteraskan 6 nilai MADANI melalui kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat, dasar ketelusan dan kerjasama.




Era Pertanian

1970



Era Perindustrian dan Perkhidmatan

1995



Era Teknologi

2024

Perkhidmatan Pertanian Perilangan & Pengkuarian Pembuatan Pembinaan

Sumber: Nilai Tambah mengikut Sektor KDNK 1970 - 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia



Kemuncak Pembangunan Sosioekonomi (2026-2030)

Kerangka pembangunan sosioekonomi negara untuk tempoh 2026-2030, berteraskan tiga dimensi: Pendapatan Tinggi dan Mampan, Kehidupan Bermutu dan Terangkum, serta Alam Sekitar Lestari. Pelaksanaannya disokong oleh 4 Tonggak utama, 27 keutamaan strategik, lebih 120 strategi dan 600 inisiatif.

7 Aspirasi Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat

1 Menjadi antara **30 ekonomi terbesar dunia**

2 **12** teratas dalam daya saing global

3 **25** teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah

4 Meningkatkan perkongsian pendapatan buruh kepada **45%**

5 **25** teratas dalam Indeks Pembangunan Manusia

6 Defisit fiskal di bawah **3%** kepada KDNK

7 **60%** kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh

Sumber: Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 -2030



MALAYSIA MADANI



20 October

2016 - 2030





BANCI EKONOMI 2026: MENGUKUHKAN ASAS DATA NEGARA

Meliputi keseluruhan pertumbuhan perniagaan dan **“Pertumbuhan tidak Berasaskan Keuntungan.”**

MAKLUMAT BE 2026

OUTCOME BE 2026

Perolehan, pendapatan, perbelanjaan

Mengukur prestasi ekonomi mengikut sektor.

Perbelanjaan modal, nilai stok & kapasiti penggunaan

Menilai pembangunan industri & membuat unjuran prospek industri

Pekerja dan gaji & upah

Mendokong aspirasi produktiviti pekerja & dasar gaji minimum

Digital Ekonomi, Penerimgunaan Teknologi, Inovasi dan R&D

Memacu transformasi digital perniagaan dan peralihan industri ke arah IR4.0 bagi meningkatkan daya saing global.

Kemudahan Pembiayaan

Menyokong pembiayaan terutamanya kepada perusahaan kecil dan sederhana.

Import & Eksport

Memperkuh akses pasaran antarabangsa dalam rantai bekalan global.

Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar

Mendokong aspirasi ekonomi hijau dan kelestarian alam sekitar negara.

Affiliate Asing

Memantau pelaburan bagi mengukur impak pelaburan langsung asing (FDI) terhadap pertumbuhan ekonomi domestik.

Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas (OGSE)

Memperkasakan rantai nilai bagi menjamin kelestarian sektor tenaga negara.

10 SASARAN EKONOMI MAKRO

Kadar pertumbuhan tahunan purata KDNK
4.5% - 5.5% (2026 -2030)

Kadar pertumbuhan tahunan purata pelaburan swasta benar
6% (2026 -2030)

Peratusan defisit fiskal kepada KDNK bawah
3% (2030)

Kadar pertumbuhan tahunan purata eksport kasar
5.8% (2026 -2030)

Bahagian pampasan pekerja kepada KDNK
40% (2030)

PNK per kapita **RM 77,200** (2030)

Kadar pertumbuhan tahunan purata pelaburan awam benar
3.6% (2026-2030)

Kadar purata inflasi
2%~3% (2026-2030)

Peratusan akaun semasa imbalan pembayaran kepada PNK
2.2% (2030)

Kadar pertumbuhan tahunan purata MyWI
1.6% (2026-2030)

Sumber: Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 -2030

RANGKUMAN MAKLUMAT SOAL SELIDIK BE 2026

